



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR

TEKS UCAPAN

YAB DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERALIHAN
TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK-PROJEK BEKALAN AIR
DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

27 JANUARI 2026

PEJABAT JABATAN BEKALAN AIR WP LABUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam

Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

- **YBhg. Dato' Sri Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
(PETRA)
- **YB Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman**
Ahli Parlimen Labuan
- **YBrs. Ir. Ts. Anita binti Mohamed Shafie**
Ketua Pengarah
Jabatan Bekalan Air
Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
(PETRA)
- **YBhg. Datuk Ir. Abdul Kadir bin Mohd Din**
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

- **YBhg. Dato' Mohd Husni bin Mohamad Salleh**
Pengerusi Perbadanan Labuan
- **Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan,**
- **Wakil-wakil agensi korporat,**
- **Kontraktor-Kontraktor yang terlibat,**
- **Rakan-Rakan Media, Ketua-Ketua dan Wakil Komuniti.**

Pendahuluan

Izinkan saya memulakan ucapan dengan berkongsi satu petikan hadis :

“Sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila dia melakukan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan itqan (bersungguh-sungguh)” (Hadis Riwayat Baihaqi)

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

1. Konsep itqan yakni bekerja dengan penuh ketekunan, ketelitian serta menepati kualiti terbaik, wajar dijadikan pegangan dan budaya kerja oleh kita semua. Ia merupakan nilai yang sangat dituntut dan menjadi cerminan kepada integriti serta amanah seseorang individu. Setiap

tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan bukan sesuatu yang ringan, sebaliknya merupakan satu komitmen yang akan dipersoalkan dan dinilai.

2. Penyiapan Sembilan (9) projek bekalan air bernilai RM133 juta yang akan diserahkan pada **Majlis Penyerahan Projek-Projek Bekalan Air di Wilayah Persekutuan Labuan** pada hari ini – adalah antara amanah yang telah diberikan kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) yang telah berjaya disempurnakan menerusi Jabatan Bekalan Air (JBA), berkat komitmen padu semua pihak yang terlibat.
3. Majlis ini amat signifikan, bukan sahaja sebagai menandakan penyerahan projek tetapi juga membawa **harapan baharu** kepada penduduk Wilayah Persekutuan Labuan, yang telah sekian lama dibelenggu masalah ketidaktentuan bekalan air.
4. Ia juga mencerminkan **komitmen berterusan Kerajaan Malaysia MADANI** dalam menzahirkan agenda kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan, selaras dengan aspirasi untuk memastikan setiap lapisan masyarakat menikmati kemudahan asas yang mampan dan berkualiti.

Situasi Bekalan Air di Peringkat Global dan Tempatan

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Air adalah nadi kehidupan sejagat. Namun, pada masa ini, sektor air berdepan cabaran yang disebabkan pertumbuhan penduduk dan proses perbandaran yang pesat serta permintaan tinggi daripada industri moden - di mana **permintaan air global dijangka melebihi bekalan sebanyak 40% menjelang tahun 2030**. Situasi ini menjadi semakin kritikal dengan **impak perubahan iklim** yang dilihat semakin ketara antara lainnya seperti kemarau berpanjangan dan bencana banjir ekstrem yang mengorbankan nyawa dan memusnahkan harta benda awam.
6. Pada tahun **2022** misalannya, **2.2 bilion penduduk dunia tidak mempunyai akses kepada bekalan air** yang diuruskan dengan selamat. Perkara ini bukan lagi isu alam sekitar; ia merupakan krisis kesihatan, keselamatan, dan kestabilan ekonomi yang memerlukan tindakan strategik segera dan menyeluruh, termasuk di Malaysia.
7. Ini kerana, walaupun Malaysia dikurniakan dengan sumber air hujan yang banyak, kita tidak terkecuali daripada risiko krisis air global yang semakin meningkat. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh sektor air negara adalah **infrastruktur bekalan air yang usang, kadar Air Tidak**

Terhasil (NRW) yang tinggi, kekurangan sumber air di sesetengah negeri serta penggunaan air domestik per kapita yang tinggi.

8. Dalam hubungan ini, Kerajaan Malaysia MADANI komited untuk memastikan akses kepada bekalan air untuk semua serta perkhidmatan air yang berkualiti selaras dengan Sustainable Development Goals 6 (SDG 6) dan Pelan Hala Tuju Transformasi Sektor Air 2040. Oleh yang demikian, **PETRA komited** untuk melaksanakan langkah-langkah bagi mengatasi cabaran-cabaran ini melalui program-program yang telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketigabelas (RMKe-13).

Komitmen Penyelesaian Isu Bekalan Air di Labuan

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. **Antara 9 hingga 17 Januari 2026**, Wilayah Persekutuan Labuan telah berdepan dengan **gangguan bekalan air** di beberapa kawasan, susulan hujan lebat berterusan yang mencetuskan pergerakan tanah. Kejadian ini telah menjejaskan infrastruktur utama bekalan air, termasuk paip utama di Tangki Bukit Besar dan di Tangki Kiamsam.
10. Saya memahami kesukaran yang dialami oleh hampir

16,000 penduduk yang terjejas sepanjang tempoh tersebut. Sejurus kejadian berlaku, tindakan pemulihan telah dilaksanakan secara berperingkat oleh JBA Ibu Pejabat dan JBA Labuan, sehingga **bekalan air berjaya dipulihkan sepenuhnya menjelang 21 Januari 2026.**

11. Situasi ini merupakan fenomena alam yang berlaku di luar jangkaan, namun ia menjadi peringatan penting kepada Kerajaan untuk terus **mempertingkatkan kesiapsiagaan** dan **memperkukuh ketahanan** sistem bekalan air, demi melindungi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Labuan.
12. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, terutamanya jabatan dan agensi yang **membantu dalam gerak kerja penghantaran air dari rumah ke rumah** sepanjang gangguan bekalan air berlaku iaitu ;
 - i) **Jabatan Bekalan Air Labuan**
 - ii) **JKR Labuan**
 - iii) **Jabatan Kesihatan Negeri Labuan**
 - iv) **IWK Labuan**
 - v) **BOMBA**
 - vi) **Pusat Koreksional Labuan**
 - vii) **Angkatan Pertahanan Awam Malaysia**
 - viii) **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

ix) Asian Supply Base (ASB)

Hadirin sekalian,

13. Selain daripada cabaran yang telah disebutkan oleh Ketua Pengarah JBA sebentar tadi, antara punca utama masalah yang dihadapi di Wilayah Persekutuan Labuan meliputi aspek sistem bekalan air yang memerlukan **penambahbaikan menyeluruh**, termasuk aspek infrastruktur fizikal, peralatan mekanikal dan elektrik, serta kecekapan operasi dan pengedaran.
14. Semasa **lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Wilayah Persekutuan Labuan pada 31 Mac hingga 2 April 2023**, Baginda telah bertitah bahawa keperluan untuk menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur awam dan kemudahan asas, khususnya bagi memastikan bekalan air bersih yang mencukupi, amat penting untuk kesejahteraan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan.
15. Selain itu, semasa **lawatan YAB Perdana Menteri pada 7 Disember 2023**, beliau telah menekankan agar pelaksanaan projek-projek di bawah peruntukan ini disegerakan, khususnya bagi menangani isu kritikal jangka

pendek yang menjejaskan bekalan air rakyat di Labuan.

16. Susulan itu, YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2024 telah mengumumkan **peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta** bagi menangani isu bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan.
17. **Pada 21 Januari 2024, saya sendiri telah mengadakan lawatan ke Bahagian Bekalan Air Labuan** untuk meninjau operasi BBA Labuan dan isu-isu bekalan air yang dihadapi serta langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi isu-isu ini.
18. Pada masa ini, terdapat **13 buah projek** berkaitan bekalan air termasuk Program NRW Kebangsaan Pendekatan 1 Fasa 2 dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah lebih daripada **RM470 juta**, sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di Wilayah Persekutuan Labuan.
19. Dalam hubungan ini, Jabatan Bekalan Air (JBA) di bawah PETRA telah diberi tanggungjawab melaksanakan projek-projek yang telah dikenal pasti. Projek-projek ini dirancang bagi memperkukuh sistem agihan, meningkatkan kapasiti serta mengurangkan NRW yang akan memastikan kesinambungan bekalan air bersih kepada seluruh penduduk Labuan.

Kejayaan Penyiapan Projek-projek Bekalan Air di Labuan

Hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Hari ini, kita bersama-sama menyaksikan hasil nyata daripada usaha gigih tersebut. **Sembilan (9) projek bekalan air bernilai lebih RM133 juta yang dilaksanakan oleh PETRA menerusi JBA, telah berjaya disiapkan.** Tiga (3) daripada projek tersebut berjumlah RM106.5 juta telah dilaksanakan dan disiapkan secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Manakala dua (2) projek yang telah diluluskan secara one-off di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) bernilai RM4.78 juta telah berjaya disiapkan dalam tempoh tujuh (7) bulan.
21. Selain itu, **empat (4) projek jangka pendek** di bawah peruntukan RM300 juta yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Belanjawan 2024 turut berjaya disiapkan, hasil komitmen dan kecekapan pelaksanaan oleh semua pihak terlibat. Projek jangka pendek ini merangkumi antaranya kerja-kerja pembaikan peralatan mekanikal dan elektrik, penggantian pam serta baikpulih tangki dengan kos keseluruhan berjumlah RM22.4 juta.

Harapan dan Hasrat

Hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi terlibat, khususnya JBA selaku peneraju pelaksanaan projek, kontraktor, perunding dan rakan pelaksana yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan kejayaan projek ini.
23. Ucapan terima kasih juga kepada semua yang membantu menyelesaikan masalah bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan dan Pihak Berkuasa Tempatan yang memudahcara pelaksanaan projek. Tidak lupa terima kasih juga kepada komuniti setempat yang sentiasa berusaha dan bekerjasama serta memahami keperluan pelaksanaan projek ini.
24. Kejayaan yang kita raikan hari ini, tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan, komitmen dan dedikasi semua pihak yang telah berusaha keras demi memastikan projek ini dapat disiapkan dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung, mahupun tidak langsung.

**Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**